

Headline	Lari 30 meter kejar pencuri motosikal		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	14 Feb 2017	Readership	537,693
Circulation	179,231	Page No	19
Section	Setempat	Journalist	N/A
ArticleSize	168 cm ²		
PR Value	RM 19,855		



Lari 30 meter kejar pencuri motosikal

Kuantan: "Saya menggagahkan diri mengejar sejauh 30 meter dua penjenayah yang melarikan motosikal, namun hampa apabila mereka pantas memecut kenderaan itu meninggalkan tempat kejadian," kata pembaca meter Tenaga Nasional Berhad (TNB), Hairizan Kassim, 36, yang kerugian kira-kira RM5,000 selepas motosikal Yamaha 135 LC miliknya dilarikan dua lelaki ketika bekerja di Taman Perumahan Alor Ladang, Beserah, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 9.47 pagi itu, seorang daripada suspek berusia lingkungan 20 tahun menghidupkan enjin motosikal berkenaan selepas mengambil kunci mangsa di dalam bakul sebelum menghidupkan enjin.

Hairizan berkata, sebelum kejadian dia meletakkan motosikal miliknya di depan sebuah rumah di taman berkenaan untuk menjalankan kerja membaca meter TNB dari rumah ke rumah.

Katanya, dia menyedari dan terpandang keliatan se-

orang lelaki tidak dikenali bertubuh kurus memakai baju berwarna coklat menghampiri motosikalnya lalu mengambil kunci di dalam bakul sebelum menghidupkan enjin.

Menurutnya, suspek bersama seorang rakannya melarikan motosikal itu sebelum dia nekad mengejar mereka.

"Saya sudah cuba mencari di sekitar Beserah pagi tadi (semalam) namun tidak menemui apa-apa petunjuk," katanya yang meng-

gunakan wang simpanan sebanyak RM5,000 untuk membeli motosikal terpakai itu daripada rakannya pada 2014.

Menurutnya, susulan kejadian itu, dia terpaksa meminjam motosikal milik seorang rakan untuk memudahkan berulang-alik ke tempat kerja.

"Saya berharap kedua-dua penjenayah terbabit akan berasa 'panas' selepas mencuri harta kesayangan saya dan memulangkan semula kenderaan itu," katanya.

Headline	Lari 30 meter kejar pencuri motosikal		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	14 Feb 2017	Readership	537,693
Circulation	179,231	Page No	19
Section	Setempat	Journalist	N/A
ArticleSize	168 cm ²		
PR Value	RM 19,855		



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Hong Leong Yamaha Motor Sdn Bhd (Yamaha Motor)	9	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	3	0	0